



**“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”
“PERAK EXCELLENT”**

Ruj. Kami : J. Pel. Pk.(Pep)
6000/13/1 Jld.2 (24)

Tarikh : 06 Januari 2017

Guru Besar
Sekolah Rendah
Negeri Perak

Tuan/Puan,

**PENCALONAN UNTUK MENJADI PEMERIKSA KERTAS PEPERIKSAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR) NEGERI PERAK TAHUN 2017**

Sukacita saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Peperiksaan (LP) akan melantik guru-guru dari Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sebagai Pemeriksa Kertas peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi tahun 2017.

2.1 Sehubungan itu, LP memohon semua Guru Besar Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan untuk mencalonkan seorang guru sebagai Pemeriksa bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah masing-masing. Guru yang dicalonkan hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan dan mengisi Lampiran A1. Guru yang telah dilantik sebagai Pemeriksa oleh LP tidak perlu dicalonkan lagi.

3. Guru Besar hendaklah melengkapkan Lampiran A2 serta Lampiran A3 dan dihantar ke Unit UPSR, Sektor Pengurusan Penilaian Dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Perak sebelum 20 Januari 2017 (Jumaat). Lampiran A1, Lampiran A2, dan Lampiran A3 boleh dimuatturun dari portal Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan email sekolah masing-masing. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Rohaizad Bin Abdullah Fisol (013-423 3598/05-501 5264)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ADNAN BIN HAJI REJAB, AMP.)

Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

mmsa/upsr2017